

Graduan UMS mesti bersedia hadapi cabaran

OLEH
KAMARUDDIN LIUSIN

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Tan Sri Dr. Abu Hasaan Othman mengingatkan para graduan universiti itu agar sentiasa bersedia menghadapi segala cabaran dan kehendak kemampuan bersaing di peringkat global.

Katanya, para graduan tidak seharusnya memikirkan bahawa, kejayaan akan berakhir setelah mendapat segulung ijazah kerana cabaran karier dan kehidupan alam realiti sebenarnya adalah lebih mencabar.

"Oleh itu, beberapa persiapan diri haruslah ada pada setiap graduan agar berjaya dalam cabaran arus semasa ini antaranya, penguasaan Bahasa Inggeris dan bahasa asing lain sebagai nilai tambah kebolehan bersaing,"katanya ketika

berucap pada hari kedua Majlis Konvokesyen kali ke-5 UMS di Dewan Konvokesyen Universiti itu di sini, kelmarin.

Ini kerana katanya, semua sedia maklum bahawa Bahasa Inggeris telah menjadi bahasa penghantar dunia yang utama untuk berinteraksi dan berkomunikasi.

Beliau berkata, UMS yang telah mencapai usia 9 tahun penubuhannya akan terus maju ke hadapan dengan berusaha dan memberi perhatian utama dalam memperkayakan program pendidikannya agar UMS mampu mencapai status universiti bertaraf dunia.

"Ini termasuklah melalui penawaran program pengajian baru, seperti Sarjana Muda Perubatan yang telah mula diperkenalkan pada sesi 2003/2004 ini,"katanya.

Abu Hasaan berkata, para graduan hendaklah mempunyai "*software of success*" yang bermaksud kejayaan perisian

dalam diri para graduan.

Ini katanya, melibatkan nilai-nilai positif yang perlu ada dalam diri para graduan seperti keterampilan, berdisiplin dan bertanggungjawab terhadap amanah yang diberikan di samping memperkukuhkan nilai murni keagamaan sebagai benteng memperkuat jati diri dan keluhuran hati.

Selain itu, katanya, para graduan haruslah menjadikan kecemerlangan sebagai budaya hidup dan pembelajaran secara berterusan haruslah diamalkan sama ada semasa bekerja ataupun dengan meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Dari sudut penyelidikan pula katanya, UMS telah mendapatkan beberapa geran penyelidikan dan berjaya mengkomersialkan beberapa hasil penyelidikan yang berpotensi tinggi, termasuklah kajian rumpai laut di Institut Penyelidikan Marin Borneo, kajian Kacip Fatimah

di Institut Biologi dan Tropika Pemuliharaan, kajian pembangunan rumah kos rendah berasaskan sisa kelapa sawit di Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat.

Kelmarin seramai 1,100 graduan lagi daripada 2,408 jumlah keseluruhan graduan pada majlis Konvokesyen ke-5 UMS menerima ijazah masing-masing dalam pelbagai disiplin ilmu pengajian antaranya Ijazah Sarjana Muda Sains, Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan.

Pada hari pertama Konvokesyen itu seramai 1,307 graduan menerima ijazah masing-masing daripada Yang Dipertua Negeri, Tun Haji Ahmadshah Abdullah yang juga Canselor UMS. Empat daripadanya adalah penerima Ijazah Doktor Falsafah, 21 penerima Ijazah Sarjana dan selebihnya penerima Ijazah Sarjana Muda.